

Institusi diraja harus berkecuai, titah pemangku Raja Kelantan

Shakira Buang 15 Ogs 2017, 2:42 tengahari 15 Ogs 2017, 3:27 petang

Simpan ke Facebook

31
SHARES



Shakira Buang

Institusi diraja harus berkecuai, titah pemangku Raja Kelantan

Jamal dakwa ada bukti huru-hara dirancang awal

Jamal pun nak anjur Nothing to Hide juga

Khair Toyo pulangkan paku buah keras pada Ku Nan

Mufti mahu konsep anak tak sah taraf diperluas

BERSATU: Ada ADUN Umno akan lompat parti

Isu bin Abdullah: Asyraf minta rujuk mufti wilayah

Umno serah dokumen 'bocor' isu Unisel pada SPRM

Pegawai dakwah didakwa salah guna kuasa

Jamal sedia disiasat SPR, tapi...

Lagi >



ozlon zamhori
malaysiakini
news and views that matter

A I B

Pemangku Raja Kelantan, Tuanku Dr Tengku Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra melahirkan rasa dukacita dengan semangat perpaduan yang semakin luntur dalam kalangan masyarakat Malaysia ketika ini.

Titah baginda, negara kini menghadapi pelbagai ujian berbentuk krisis persepsi akibat daripada perbezaan politik dan sosial yang semakin memisahkan warganegaranya.

"Sentimen dan emosi semakin menguasai pemikiran warga, manakala sejarah dan fakta semakin kehilangan kekuatan.

"Kesanggupan berunding, semangat persefahaman dan kesediaan untuk saling hormat-menghormati bagai telah luntur dari kamus kehidupan," titah baginda ketika berucap mencemar duli di program INTAN Royal Talk 2017 di Bukit Kiara, hari ini.

Ujar baginda, dalam keadaan iklim politik yang semakin dinamik dan percaturan siasah yang sedang berlaku, peranan dan legasi institusi beraja yang telah diwarisi sejak zaman-berzaman perlu dipertahankan.

"Dengan itu institusi raja pada setiap ketika tidaklah boleh bersifat partisan.

"Dengan berkecuai dalam keadaan berlakunya krisis, institusi raja berupaya memberikan nasihat, teguran dan pandangan yang mencerminkan keadilan tanpa memihak," titah baginda.

Terdahulu, baginda berbesar hati mencemar duli berkongsi titah baginda yang bertajuk "Symbiosis Raja dan Rakyat".

Program INTAN Royal Talk 2017 merupakan Program Bitara Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang merupakan program kemuncak kepada pelaksanaan program-program Bitara yang telah dilaksanakan sepanjang tahun ini.

Ia merupakan platform kepada tetamu jempunan Diraja untuk berkongsi pengalaman, ilmu dan nasihat bagi mengukuhkan kualiti perkhidmatan awam serta peranan institusi Diraja dalam perlembagaan dan penghayatan prinsip Rukun Negara.

Iklan ditutup oleh Google

Hentikan iklan ini

Iklan-iklan oleh Google

2.3
MILLION

Number of pageviews per day on Desktop and Mobile

Your business can't afford to miss out the readers on Malaysiakini & KiniTV

malaysiakini kiniTV

FIND OUT MORE on CFM package